

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 21.3.2018 (RABU)

SOALAN :

Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan mengapakah terdapat perbezaan bayaran tuntutan elaun perjalanan di kalangan guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan elaun perjalanan kerajaan bagi penjawat awam adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis). Penjawat awam termasuk guru adalah layak untuk menuntut sekiranya mematuhi syarat - syarat yang ditetapkan.